

# 3.6 juta terima BPR Fasa 3 esok

UM- 27/9/2021 m/s. 3

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Seramai 3.6 juta penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Keluarga Malaysia Fasa 3 termasuk mereka yang diluluskan permohonan rayuan bakal menerima bantuan itu, mulai esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bantuan yang melibatkan nilai RM2.82 bilion itu dijangka selesai dikreditkan ke dalam akaun penerima isi rumah dalam tempoh tiga hari sehingga 30 September ini.

Beliau berkata, untuk Fasa 3, setiap penerima memperoleh sehingga RM1,400 manakala penerima bayaran rayuan BPR menerima sehingga RM2,300.

“Ini termasuk bayaran

BPR tambahan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) bernilai sehingga RM500 bagi setiap penerima mengikut kategori kelayakan masing-masing iaitu berdasarkan status perkahwinan, jumlah pendapatan isi rumah dan bilangan anak,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, pembayaran Fasa 3 itu adalah penyaluran penuh baki nilai yang sepatutnya diterima penerima BPR dan rayuan bagi meringankan beban mereka.

Beliau berkata, kerajaan terus komited dalam memasti-

kan kesejahteraan Keluarga Malaysia, terutama kumpulan sasar yang terjejas akibat pandemik Covid-19 sentiasa terbela.

Jelas beliau, antara lain, beberapa bantuan tunai seperti Bantuan Khas Covid-19 (BKC) dan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) diberikan kepada penerima yang layak dengan pembayaran bantuan itu dijadual disalurkan pada bulan depan hingga Disember ini.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, sejumlah RM17.1 bilion bantuan disalurkan k a n

kerajaan termasuk BPR, BKC dan BKP.

Menurut beliau, bagi bantuan BPR, secara keseluruhannya sebanyak RM9.6 bilion diperuntukkan yang memanfaatkan 8.5 juta penerima tahun ini.

“Pembayaran itu adalah penyaluran penuh baki nilai yang sepatutnya diterima penerima BPR dalam meringankan beban mereka yang masih terkesan akibat Covid-19,” katanya.

Beliau menjelaskan, dari aspek perlindungan sosial jangka panjang, pelan Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) juga sedang menerokai langkah-langkah meningkatkan liputan dan kecukupan perlindungan sosial bagi memastikan rakyat Malaysia mendapat perlindungan serta kemampuan dalam memperbaiki taraf hidup mereka.



**ISMAIL SABRI YAAKOB**